

Peningkatan Teknologi dalam Era *Transhumanisme* Menurut Perspektif Islam

Technological Enhancement in the Transhumanism Era From Islamic Perspective

Lukman Hakim Mohamad Baharudin ¹

Atifah Ahmad Yusoff ²

Noorafifah Waipin ³

ABSTRAK

Transhumanisme merupakan sebuah gerakan yang menggabungkan teknologi canggih seperti kejuruteraan genetik, kecerdasan buatan dan implan otak dilihat bergerak pesat dalam era kemajuan teknologi ini. Kajian ini menganalisis bagaimana transhumanisme, dengan visi untuk mengubah dan meningkatkan manusia secara biologi dan mental, bertentangan dengan prinsip-prinsip Islam mengenai manusia sebagai ciptaan terbaik Allah (ahsan taqwim) serta ketergantungan mutlak kepada Tuhan dalam soal kehidupan dan mati. Metodologi yang digunakan adalah analisis kualitatif berdasarkan sumber primer seperti al-Quran dan hadis serta pandangan sarjana Muslim. Hasil kajian mendapati bahawa transhumanisme mencabar prinsip tauhid dan takdir; di mana usaha untuk menambahbaik manusia melalui teknologi dianggap sebagai penolakan terhadap ketentuan Allah. Kajian ini menegaskan perlunya rangka kerja teologi Islam yang lebih komprehensif untuk mengatasi cabaran ini dan mencadangkan agar umat Islam mengadaptasi ijtihad yang lebih responsif terhadap perkembangan teknologi, sambil berpegang kepada prinsip akidah dan maqasid syariah dalam menghadapi era transhumanisme.

Kata kunci: *cabaran akidah, era transhumanisme, peningkatan teknologi, perspektif Islam*

ABSTRACT

Transhumanism, a movement that integrates advanced technologies such as genetic engineering, artificial intelligence, and neural implants, has been rapidly expanding in the current era of technological progress. This study examines how transhumanism, with its vision of biologically and mentally transforming and enhancing the human being, conflicts with Islamic principles that regard humans as the best creation of Allah (ahsan taqwim) and entirely dependent on Him in matters of life and death. The methodology used is qualitative analysis based on primary sources such as the Qur'an and hadith, as well as the views of Muslim scholars. The findings show that transhumanism challenges the Islamic concepts of tauhid and destiny, where attempts to improve human beings through technology can be seen as rejecting God's decree. This study highlights the need for a more comprehensive Islamic theological framework to address these challenges and suggests that Muslims adopt more responsive forms of ijtihad towards technological developments while upholding the principles of aqidah and the objectives of the shariah (maqasid shariah) in navigating the transhumanist era.

Keywords: *challenges to aqidah, transhumanism era, technological enhancement, Islamic perspective*

¹ Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. lhkim280403@gmail.com

² (Corresponding author). Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. atifah@um.edu.my.

³ Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. noorafifahwaipin99@gmail.com

PENDAHULUAN

Perkembangan pesat dalam bidang teknologi, terutamanya kejuruteraan genetik, kecerdasan buatan (AI) dan implan neural, telah melahirkan gerakan *transhumanisme*. Gerakan ini berhasrat untuk meningkatkan keupayaan manusia melalui teknologi, dengan matlamat akhir mencipta manusia “pasca-biologi” yang melampaui batasan semula jadi tubuh dan minda manusia.⁴ Namun, dalam konteks Islam, idea *transhumanisme* menimbulkan persoalan terhadap akidah, khususnya berkaitan dengan konsep tauhid, takdir (*qada’ dan qadar*), serta fitrah manusia sebagai makhluk ciptaan Allah yang terbaik (*ahsan taqwim*) dan prinsip peranan manusia sebagai khalifah di bumi.⁵

Transhumanisme bukan sahaja menawarkan peningkatan fizikal, tetapi turut membawa nilai-nilai sekular yang menolak keterikatan kepada agama dan wahyu. Gerakan ini secara jelas mempromosikan idea bahawa manusia dapat mencapai “kesempurnaan” atau bahkan “keabadian” melalui intervensi teknologi yang secara langsung mencabar konsep ketuhanan, takdir dan fitrah manusia dalam Islam.⁶ Hal ini boleh mengaburkan peranan manusia sebagai hamba Allah yang bergantung kepada ketentuan Ilahi, dan menimbulkan konflik antara usaha manusia “mengawal takdir sendiri” dengan prinsip Islam yang menekankan ketundukan kepada kehendak Allah.⁷

Tambahan pula, wacana dalam kalangan ilmuwan Islam tentang isu ini masih dalam peringkat awal. Kerangka fiqh dan etika Islam belum banyak dikaji untuk menangani cabaran yang dibawa oleh teknologi peningkatan manusia seperti penyuntingan genetik untuk tujuan bukan perubatan.⁸ Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk meneliti secara kritikal sejauh mana *transhumanisme* mencabar prinsip asas akidah Islam, serta menyumbang input kepada pembangunan kerangka panduan Islam dalam mendepani perubahan teknologi kontemporari.

TRANSHUMANISME DARI PERSPEKTIF SAINS

Transhumanisme ialah gerakan intelektual dan falsafah yang bertujuan untuk meningkatkan keadaan manusia melalui pembangunan dan penggunaan teknologi canggih. Gerakan ini berusaha untuk memanjangkan umur, meningkatkan suasana hati, serta meningkatkan kemampuan fizikal dan kognitif manusia. Istilah “*transhumanisme*” pertama kali diperkenalkan oleh Julian Huxley pada tahun 1957 dalam esainya bertajuk *Transhumanism*, yang menggambarkan visi masa depan di mana manusia dapat melampaui keterbatasan biologinya melalui teknologi.⁹ Sejak itu, konsep ini telah berkembang dan menjadi pusat perdebatan dalam pelbagai disiplin ilmu, termasuk falsafah, sains dan teologi.

Dalam konteks sains, *transhumanisme* sering dikaitkan dengan bidang seperti bioteknologi, nanoteknologi dan kecerdasan buatan. Para pendukung *transhumanisme* percaya bahawa melalui teknologi ini, manusia dapat mengatasi penyakit, penuaan dan bahkan kematian. Mereka berpendapat bahawa dengan menggabungkan tubuh manusia dengan mesin

⁴ Ghandour, A, "Beyond Muslim Concerns About Transhumanism." *Journal of Ethics and Emerging Technologies* 34 no. 2 (2025), 59.

⁵ Adnan, A, "Techno-Jahiliyyah: Examining Transhumanism through the Islamic Lens." *Al-Shajarah: ISTAC Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC)* December (2024), 169.

⁶ Bouzenita, A. S, "Transhumanism-Old Challenges in a New Garb?" *Journal of Islam in Asia* 21 no. 2 (2024), 176.

⁷ Mobayed, T, "Immortality on Earth? Transhumanism through Islamic Lenses." (Yaqeen Institute for Islamic Research, 2017). Diakses pada 19 November 2025. <https://yaqeeninstitute.org.my/read/paper/immortality-on-earth-transhumanism-through-islamic-lenses>

⁸ Alsomali N and Hussein G, "CRISPR-Cas9 and He Jiankui's Case: an Islamic Bioethics Review using Maqasid al-Shari'a and Qawaid Fighiyyah." *Science and Engineering Ethics* 27 no. 2 (2021), 150.

⁹ Huxley, J, "Transhumanism," in *New Bottles for New Wine* (London: Chatto & Windus, 1957), 15.

atau peranti teknologi lain, kita dapat mencapai bentuk eksistensi yang lebih tinggi atau “*posthuman*”.¹⁰ Namun, pandangan ini juga menimbulkan pelbagai persoalan etika dan falsafah, terutamanya berkaitan dengan identiti manusia dan batasan-batasan moral dalam penggunaan teknologi.¹¹

Dari perspektif Barat, *transhumanisme* sering dianggap sebagai lanjutan daripada humanisme, yang menekankan pada potensi dan kemampuan manusia untuk mengawal nasibnya sendiri. Namun, *transhumanisme* melangkah lebih jauh dengan mencadangkan bahawa manusia tidak hanya dapat mengawal nasibnya, tetapi juga dapat mengubah dirinya secara asas melalui teknologi.¹² Pandangan ini mencabar konsep-konsep tradisional tentang apa erti menjadi manusia dan menimbulkan persoalan tentang sama ada manusia harus mengejar peningkatan teknologi tanpa batas.

Dalam diskusi ilmiah, *transhumanisme* juga dikritik kerana cenderung mengabaikan aspek-aspek bukan material dari eksistensi manusia seperti jiwa dan spiritualiti. Beberapa saintis dan ahli falsafah berpendapat bahawa fokus *transhumanisme* pada peningkatan fizikal dan kognitif dapat membawa kepada reduksionisme, di mana manusia dipandang semata-mata sebagai mesin biologikal yang dapat ditingkatkan.¹³ Kritikan ini menyoroti pentingnya mempertimbangkan dimensi spiritual dan moral dalam perbincangan tentang masa depan manusia dan teknologi.

Teknologi bioperubatan seperti CRISPR-Cas9 dalam penyuntingan genetik, neuroprostetik dan antaramuka otak-komputer telah membawa pelbagai kemungkinan baru untuk manusia mengubah struktur dan fungsi tubuh mereka. Stefan Lorenz Sorgner dalam bukunya *On Transhumanism* menegaskan bahawa revolusi teknologi ini membuka ruang kepada realiti *post-human* yang sebelum ini hanya dianggap sebagai fiksyen sains.¹⁴ Pandangan ini turut dikongsi oleh pelbagai ahli akademik yang melihat bahawa batas antara manusia dan mesin semakin kabur, dan transformasi ini akan terus berlaku dalam dekad akan datang.

Selain itu, Steve Fuller, seorang ahli sosiologi sains, melalui bukunya *Humanity 2.0* mengemukakan pandangan bahawa *transhumanisme* tidak hanya berkait dengan teknologi, tetapi juga berkait rapat dengan perubahan paradigma epistemologi dan metafizik mengenai manusia. Fuller menyatakan bahawa revolusi ini menggesa manusia untuk mendefinisikan semula hakikat kemanusiaan dan peranan manusia dalam dunia yang semakin dikendalikan oleh teknologi.¹⁵

Gerakan *transhumanisme* moden tidak boleh dipisahkan daripada kemajuan teknologi yang menjadi tulang belakang kepada aspirasi mereka. Visi utama transhumanis adalah untuk membawa manusia ke peringkat “*post-human*”, di mana batasan biologi seperti penuaan, kelemahan fizikal dan kematian tidak lagi menjadi sempadan. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa cabang teknologi telah dikenal pasti sebagai teras utama kepada kemajuan *transhumanisme*, antaranya bioteknologi, kejuruteraan genetik, nanoteknologi, kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence, AI*), dan *brain-computer interface, BCI*.

Antara semua ini, teknologi BCI dianggap paling simbolik kepada hasrat transhumanis dalam menggabungkan kesedaran manusia dengan mesin. Salah satu contoh paling menonjol

¹⁰ Bostrom, Nick, “Transhumanist Values”, in Fredrick Adams (ed.), *Ethical Issues for the 21st Century: Philosophical Documentation Center Press*, 2004), 27.

¹¹ Breczko, A, “Human Enhancement in the Context of Disability (Bioethical Considerations from the Perspective of Transhumanism).” *Białostockie Studia Prawnicze* 26, no. 3 (2021), 101.

¹² Chimakonam, A. E. “The Ethics at the Intersection of Artificial Intelligence and Transhumanism: A Personhood-Based Approach Policy 5 (2023): e16.”

¹³ David M. Lyreskog and Alex McKeown. On the (Non-)Rationality of Human Enhancement and Transhumanism. *Science and Engineering Ethics* 28, no. 52 (2022), 9.

¹⁴ Sorgner, Stefan Lorenz. *On Transhumanism*. University Park, (PA: Penn State University Press, 2020), 69.

¹⁵ Fuller, Steve. *Humanity 2.0: What It Means to Be Human, Past, Present and Future*. (London: Palgrave Macmillan, 2011), 35.

ialah projek Neuralink oleh Elon Musk yang kini berada di barisan hadapan dalam revolusi BCI. Pada Januari 2024, Neuralink mengumumkan kejayaan melakukan pembedahan implan cip otak pertama pada seorang lelaki bernama Noland Arbaugh yang lumpuh akibat kemalangan. Cip ini membolehkannya mengawal komputer dan bermain permainan video hanya dengan menggunakan pemikiran.¹⁶ Keupayaan ini dilihat sebagai satu langkah penting ke arah komunikasi langsung antara otak dan mesin, satu matlamat utama dalam agenda *transhumanisme*.

Secara keseluruhan, *transhumanisme* sebagai gerakan dan ideologi menawarkan visi masa depan yang penuh dengan kemungkinan, tetapi juga dipenuhi dengan cabaran dan dilema etika. Pemahaman yang mendalam tentang *transhumanisme* dari perspektif Barat dan sains sangat penting untuk menilai implikasi teknologi terhadap identiti dan kewujudan manusia. Dalam konteks ini, penting bagi kita untuk terus berdialog dan melihat arah perkembangan teknologi dan kesannya terhadap kemanusiaan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif dengan pendekatan kajian perpustakaan. Penulis meneliti pandangan sarjana Islam kontemporari tentang bagaimana teknologi moden seperti kejuruteraan genetik dan kecerdasan buatan boleh memberi kesan terhadap konsep-konsep asas dalam akidah seperti tauhid, *qada' dan qadar*, serta fitrah manusia. Dalam masa yang sama, penulisan klasik dan moden berkaitan prinsip-prinsip akidah turut dikaji bagi memahami kerangka pemikiran Islam dalam menghadapi perubahan zaman. Pengkaji juga menganalisis pandangan Islam terhadap penggunaan teknologi peningkatan manusia, berdasarkan prinsip syariah dan akidah. Tumpuan khusus diberikan kepada karya-karya cendekiawan Islam, fatwa dan perbincangan etika Islam kontemporari mengenai had intervensi manusia terhadap ciptaan Allah, serta menjelaskan konflik antara *transhumanisme* dan prinsip akidah Islam seperti tauhid, *qada' dan qadar* dan fitrah manusia. Skop ini melibatkan analisis terhadap bagaimana *transhumanisme* mencabar peranan manusia sebagai makhluk ciptaan Allah, dan apakah impak ideologi ini terhadap pemikiran dan kepercayaan umat Islam hari ini?

DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Dalam memahami *transhumanisme* dari sudut Islam, adalah mustahak untuk terlebih dahulu menilai kedudukan Islam terhadap kemajuan sains dan teknologi. Islam secara dasarnya memandang penguasaan ilmu pengetahuan dan penerokaan alam sebagai fardu kifayah yang perlu dilaksanakan demi kemaslahatan manusia dan kesejahteraan ummah. Namun begitu, Islam juga bertegas dalam hal-hal yang akan mengganggu gugat akidah dan kesejahteraan manusia.

***Transhumanisme* dari Perspektif Islam**

Islam melihat kemajuan ilmu sebagai salah satu wasilah untuk memperkukuh keimanan dan ketakwaan. Ayat-ayat al-Quran dan hadis banyak memberi dorongan agar manusia berfikir, menyelidik dan memanfaatkan sumber semula jadi sebagai tanda kebesaran Allah SWT dan bukti bahawa kejadian alam ini bukanlah sia-sia. Allah SWT berfirman dalam surah Ali Imran, ayat 190:

¹⁶ The Guardian. "Elon Musk Put a Chip in This Paralysed Man's Brain. Now He Can Move Things with His Mind." 8 Februari 2025. Diakses pada 19 November 2025.
<https://www.theguardian.com/science/2025/feb/08/elon-musk-chip-paralysed-man-noland-arbaugh-chip-brain-neuralink>

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ لَآيَاتٍ لِّأُولِي الْأَلْبَابِ (١٩٠)

Maksudnya: “Sesungguhnya dalam kejadian langit dan bumi, dan pertukaran malam dan siang, terdapat tanda-tanda (kebesaran Allah) bagi orang-orang yang berakal”

(Surah Ali Imran 3:190)

Dalam sejarah peradaban Islam, para sarjana Muslim seperti Ibn Sina dan al-Biruni merupakan contoh ulama dan ahli sains yang berpegang teguh kepada prinsip tauhid tetapi tetap memberi sumbangan besar dalam bidang perubatan, astronomi, fizik dan falsafah. Menurut Osman Bakar, Islam sentiasa membuka ruang kepada penemuan baru dan pengembangan teknologi, selama ia membawa kebaikan dan diatur selaras dengan nilai syariah dan maqasid syariah.¹⁷ Bakar menjelaskan bahawa dalam epistemologi Islam, akal dan wahyu tidak bercanggah; sebaliknya saling melengkapi untuk membimbing manusia menuju kebenaran dan kebaikan sejagat.¹⁸

Dalam konteks *transhumanisme*, penerimaan Islam terhadap kemajuan teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), bioteknologi dan implan neural bukanlah bersifat mutlak dan tanpa syarat. Islam menetapkan prinsip-prinsip bahawa setiap inovasi mesti menjunjung nilai tauhid dan kebergantungan kepada Allah. *Transhumanisme* yang bercita-cita untuk melampaui batasan biologikal dan fitrah semula jadi manusia, harus dinilai dalam kerangka apakah ia mendekatkan seseorang kepada Allah atau menjauhkan mereka dari-Nya? Sebagaimana ditegaskan oleh Muhammad Naquib al-Attas, penguasaan sains dan teknologi perlu dibingkai dalam *worldview* Islam yang berpaksikan kepercayaan kepada Pencipta dan tanggungjawab sebagai khalifah di bumi.¹⁹

Selain itu, Islam menegaskan bahawa pengetahuan dan teknologi mesti berorientasikan nilai akhlak dan tidak bercanggah dengan syariat. Perkembangan teknologi harus membawa kepada kemaslahatan dan menghindari mudarat, sesuai dengan sabda Nabi Muhammad SAW:

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Maksudnya: “Tidak ada sebarang mudarat dan tidak ada juga perbuatan membalas kemudaratan.”

(Hadis Riwayat Malik)²⁰

Jika teknologi hanya digunakan untuk kepentingan materialistik dan melangkaui ketetapan syarak, ia berpotensi menimbulkan ketidakseimbangan sosial dan krisis akidah. Tambahan pula, dalam Islam, kemampuan untuk berinovasi adalah amanah, bukan lesen untuk melawan ketetapan Allah. Fitrah, kejadian asal dan keseimbangan ciptaan mesti dihormati dan dipelihara.

Menurut Hashim Kamali, dalam membangunkan kerangka etika untuk teknologi moden seperti kecerdasan buatan dan bioteknologi, *maqasid syariah* mesti menjadi rujukan utama. Dengan berpandukan kepada maqasid, umat Islam berupaya menilai sama ada sesuatu teknologi membawa kepada *maslahah* dan terhindar daripada *mafsadah*, seterusnya mengelak

¹⁷ Osman Bakar, *The History and Philosophy of Islamic Science* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1999), 43.

¹⁸ *Ibid.*, 47-49.

¹⁹ al-Attas, Syed Muhammad Naquib, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 87.

²⁰ Muwatta Malik, “Judgements (Kitab al-Aqdiyah),” Buku 36, Hadith 31.

daripada melampaui batas yang diredai Allah.²¹ Prinsip-prinsip seperti menjaga agama (*hifz al-din*), nyawa (*hifz al-nafs*), akal (*hifz al-'aql*), keturunan (*hifz al-nasl*), dan harta (*hifz al-mal*) perlu menjadi teras dalam sebarang inovasi teknologi agar ia membawa kesejahteraan sebenar kepada masyarakat.

Konsep Manusia dalam Islam

Dalam pandangan Islam, manusia merupakan makhluk istimewa dan mulia, diciptakan oleh Allah sebagai khalifah di bumi. Peranan sebagai khalifah membawa makna bahawa manusia bukan sahaja hidup untuk diri sendiri tetapi bertanggungjawab untuk memakmurkan bumi berlandaskan nilai-nilai Islam. Allah berfirman dalam al-Quran:

وَإِذْ قَالَ رَبُّكَ لِلْمَلَكَةِ إِنِّي جَاعِلٌ فِي الْأَرْضِ خَلِيفَةً...²²

Maksudnya: “Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada malaikat: Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi...”

(Surah al-Baqarah 2:30)

Ini menegaskan kedudukan dan tanggungjawab manusia sebagai wakil Allah di bumi. Selain itu, manusia diciptakan dalam keadaan fitrah iaitu keadaan suci dan berpotensi untuk mengenal dan menyembah Allah dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Iman Ahmad dalam musnadnya:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوْلَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، حَتَّى يُعْرَبَ عَنْهُ لِسَانُهُ، فَإِذَا أَعْرَبَ عَنْهُ لِسَانُهُ، إِمَّا شَاكِرًا، وَإِمَّا كَفُورًا²³

Maksudnya: “Setiap anak dilahirkan dalam keadaan fitrah sehingga dia mampu untuk menjelaskannya dengan lisannya. Apabila dia menjelaskannya dengan lisannya maka sama ada dia menjadi orang yang bersyukur (muslim) atau orang yang kufur.”

(Hadis Riwayat Ahmad)²²

Daripada hadis tersebut, fitrah merujuk kepada kecenderungan semula jadi manusia untuk menerima kebenaran dan berbuat baik atau memilih jalan kufur sewaktu tiba umur baligh bagi memilih kedudukan imannya. Sebagaimana sabda Rasulullah SAW:

كُلُّ مَوْلُودٍ يُوْلَدُ عَلَى الْفِطْرَةِ، فَأَبَوَاهُ يُهَوِّدَانِهِ أَوْ يُنَصِّرَانِهِ أَوْ يُمَجِّسَانِهِ²³

Maksudnya: “Setiap anak yang dilahirkan itu dalam keadaan fitrah. Kedua ibu bapanya lah yang menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi.”

(Hadis Riwayat al-Bukhari)²³

Dengan fitrah inilah, Islam memandang manusia sebagai makhluk yang perlu berkembang berasaskan nilai tauhid dan ketakwaan, bukan semata-mata peningkatan material dan teknologi.

²¹ Mohammad Hashim Kamali., “Islamic Ethical Guide in Developing Artificial Intelligence Framework”. (Malaysia: International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS), 2020), 32.

²² Hadith Riwayat Imam Ahmad, Musnad Ahmad, no. 14805.

²³ Hadith Riwayat al-Bukhari, no. 5678.

Di samping itu, Islam menekankan martabat manusia sebagai makhluk yang diciptakan dalam bentuk terbaik, yaitu “*ahsan taqwim*” (sebaik-baik kejadian), seperti yang disebut dalam Surah al-Tin:

لَقَدْ خَلَقْنَا الْإِنْسَانَ فِي أَحْسَنِ تَقْوِيمٍ (٤)

Maksudnya: “*Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya).*”

(Surah at-Tin 96:4)

Ini membawa pengertian bahawa bentuk kejadian dan potensi manusia sudah sempurna untuk melaksanakan peranan sebagai khalifah Allah, dan perubahan ke arah melampaui fitrah perlu diukur sama ada membawa maslahat atau mudarat terhadap keseimbangan ciptaan-Nya. Oleh itu, konsep manusia dalam Islam menjadi asas penting untuk menilai *transhumanisme*. Sebarang bentuk peningkatan teknologi mesti dilihat dalam neraca ketauhidan dan etika Islam, agar tujuan penciptaan dan kedudukan manusia sebagai hamba Allah dan khalifah tetap terjaga dan dihormati.

Perbezaan Antara Peningkatan dan Rawatan dalam Islam

Dalam membincangkan *transhumanisme* dari perspektif Islam, penting untuk membezakan secara jelas antara dua kategori penggunaan teknologi terhadap tubuh dan minda manusia, iaitu rawatan (*therapy*) dan peningkatan (*enhancement*). Rawatan merujuk kepada usaha menyembuhkan penyakit, menggantikan anggota yang hilang, atau memulihkan fungsi tubuh yang terganggu. Manakala peningkatan pula merujuk kepada penggunaan teknologi untuk meningkatkan keupayaan manusia melebihi tahap semula jadi yang sedia ada, walaupun individu tersebut tidak mengalami sebarang kecacatan atau penyakit.

Dalam kerangka etika Islam, rawatan adalah sesuatu yang bukan sahaja dibenarkan bahkan digalakkan. Daripada Abu Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda:

مَا أُنْزِلَ اللَّهُ دَاءً إِلَّا أَنْزَلَ لَهُ شِفَاءً

Maksudnya: “*Allah tidak menurunkan sesuatu penyakit melainkan diturunkan bersamanya penawar.*”

(Hadis Riwayat al-Bukhari)²⁴

Ini menunjukkan bahawa usaha menyembuhkan penyakit adalah selari dengan prinsip Islam dan tidak bertentangan dengan konsep tawakal kepada Allah. Oleh itu, penggunaan teknologi seperti prostetik, terapi genetik untuk penyakit keturunan, dan implan otak untuk merawat gangguan neurologi, boleh diterima dalam Islam selagi tidak membawa mudarat yang lebih besar dan melanggar hukum Allah seperti mana yang diriwayatkan oleh Abu Daud, daripada Abu Darda' RA, bahawa Nabi Muhammad SAW bersabda:

إِنَّ اللَّهَ أَنْزَلَ الدَّاءَ وَالِدَوَاءَ، وَجَعَلَ لِكُلِّ دَاءٍ دَوَاءً فَتَدَاوُوا وَلَا تَدَاوُوا بِحَرَامٍ

Maksudnya: “*Sesungguhnya Allah Taala telah menurunkan penyakit dan ubat dan menjadikan bagi setiap penyakit itu ubatnya, maka berubatlah kamu dan jangan kamu berubat dengan benda yang haram.*”

²⁴ Hadith Riwayat al-Bukhari, no. 5678

(Hadis Riwayat Abu Daud)²⁵

Hadis di atas secara jelas melarang daripada menggunakan benda-benda yang najis dan haram bagi tujuan perubatan. Walaubagaimanapun di dalam kitab al-Majmu' dinyatakan bahawa larangan tersebut (berubat dengan yang haram dan najis) ialah jika tidak ada keperluan untuk menggunakan ubat-ubatan yang haram dan najis kerana masih terdapat ubat yang suci.²⁶

Namun, apabila teknologi digunakan untuk tujuan peningkatan yang tidak bersifat terapeutik, seperti menambah keupayaan kognitif melalui implan neural bagi individu sihat, atau menyunting genetik bagi mendapatkan kecantikan luar biasa atau IQ tinggi, maka isu etika dan hukum menjadi lebih kompleks. Sebahagian ulama melihat perbuatan ini sebagai bentuk *taghyir khalqillah*, iaitu mengubah ciptaan Allah tanpa keperluan yang sah.²⁷ Larangan ini disebut secara jelas dalam al-Quran:

وَلَا ضَلَّٰتُهُمْ وَلَا مَنِيْنُهُمْ وَلَكُمُ رَحْمَةٌ مِّنِّيْكُمْ ؕ اِذَا نَ الْاَنۡعَامِ وَلَكُمُ رَحْمَةٌ مِّنِّيْكُمْ ؕ فَالْيَغِيْرَ خَلَقَ اللّٰهُ ؕ

Maksudnya: “Dan demi sesungguhnya, aku akan menyesatkan mereka (dari kebenaran), dan demi sesungguhnya aku akan memperdayakan mereka dengan angan-angan kosong, dan demi sesungguhnya aku akan menyuruh mereka (mencacatkan binatang-binatang ternak), lalu mereka membelah telinga binatang-binatang itu; dan aku akan menyuruh mereka mengubah ciptaan Allah..”

(Surah an-Nisaa' 4:119)

Berdasarkan ayat tersebut, Allah SWT membongkar beberapa perancangan syaitan yang mahu menyesatkan manusia. Antara cara tersebut adalah dengan mencipta angan-angan kosong kepada manusia, menyuruh manusia menyeksa haiwan dan mengubah ciptaan Allah SWT. Maka, ayat ini secara jelas melarang manusia dari mengubah ciptaan syaitan.²⁸

Sebagai contoh, Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Malaysia telah menyatakan bahawa pengklonan manusia dan pengubahsuaian genetik untuk tujuan bukan perubatan adalah haram, kerana ia melibatkan pencabulan terhadap fitrah manusia dan tidak memenuhi maqasid syariah.²⁹ Mufti Wilayah Persekutuan juga pernah menegaskan bahawa sebarang bentuk perubahan tubuh yang tidak membawa kemaslahatan sah atau melibatkan unsur penipuan dan kesombongan, seperti membuang kedutan yang biasa muncul bagi orang-orang yang sudah tua adalah tidak dibenarkan dalam Islam.³⁰

Dalam konteks *transhumanisme*, perbezaan ini menjadi asas penting kepada penilaian etika Islam. Islam tidak menolak inovasi dan teknologi, tetapi menekankan bahawa segala bentuk perubahan ke atas tubuh dan akal manusia haruslah berlandaskan prinsip maqasid syariah. Jika sesuatu teknologi membawa manfaat kesihatan dan kesejahteraan tanpa

²⁵ Hadith Riwayat Abu Daud, no. 3874

²⁶ Nawawī, Maḥmūd. Maṭrajī & Abū Ishāq Ibrāhīm ibn ‘Alī ibn Yūsuf Fīrūzābādī al-Shīrāzī. Kitāb Al-Majmū’ : Sharḥ Al-Muḥadhdhab. Kitāb Al-Majmū’ : Sharḥ Al-Muḥadhdhab. (Bayrūt: Dār al-Fikr, 2000), 125.

²⁷ Mohamad Naqib Hamdan dan Mohd Anuar Ramli. “Konsep Taghyir Khalqillah Menurut Muhaddithin: Analisis Terhadap Hadith Larangan Al-Wasl, Al-Washm, Al-Nams dan Al-Tafalluj” dalam Pengajian Sunnah Nabawiyah: Metod dan Aliran (2017), 76.

²⁸ Mohamad Naqib Hamdan dan Mohd Anuar Ramli. “Konsep Taghyir Khalqillah Menurut Muhaddithin, 76.

²⁹ Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), “Pembiakan Manusia dan Pengklonan Tujuan Perubatan Dari Sudut Syarak (2002)” dalam Kompilasi Pandangan Hukum, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia.(Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015), 102.

³⁰ Umar Mukhtar Mohd Nor, “Irsyad Hukum Siri ke-265: Hukum Menyuntik Kolagen Pada Tubuh Badan Untuk Kelihatan Cantik Di Hadapan Suami”, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 1 November 2018, Diakses pada 20 November 2025. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/2723-irsyad-al-fatwa-siri-ke-265-hukum-menyuntik-kolagen-pada-tubuh-badan-untuk-kelihatan-cantik-di-hadapan-suami>

mencetuskan kerosakan akidah, fitrah, atau masyarakat, maka ia mungkin dibenarkan. Sebaliknya, jika ia digunakan semata-mata untuk mencapai bentuk “pasca-manusia” yang mencabar ketentuan Ilahi, maka ia wajib ditolak.

Transhumanisme dan Hubungannya dengan Tauhid dan Takdir

Transhumanisme membawa gagasan bahawa manusia mampu melampaui batasan fitrah dan menguasai hidupnya secara mutlak, sama ada dalam aspek fizikal, mental, mahupun spiritual. Namun, dalam Islam, konsep ini menimbulkan pertembungan yang ketara dengan prinsip tauhid dan takdir (*qada' dan qadar*) kerana Islam menekankan bahawa segala sesuatu adalah di bawah kekuasaan dan kehendak Allah. Firman Allah SWT:

قُلْ لَنْ يُصِيبَنَا إِلَّا مَا كَتَبَ اللَّهُ لَنَا هُوَ مَوْلَانَا ۚ وَعَلَى اللَّهِ فَلْيَتَوَكَّلِ الْمُؤْمِنُونَ (٥١)

Maksudnya: “Katakanlah (wahai Muhammad): “Tidak sekali-kali akan menimpa kami sesuatu pun melainkan apa yang telah ditetapkan Allah bagi kami. Dia lah Pelindung yang menyelamatkan kami, dan (dengan kepercayaan itu) maka kepada Allah jualah hendaknya orang-orang yang beriman bertawakal”. ”

(Surah al-Tawbah 9:51)

Ayat ini memberi makna bahawa seluruh perjalanan hidup manusia, termasuk kelahiran, kematian dan tahap keupayaan mereka, adalah ketetapan dan ketentuan Tuhan.

Sebaliknya, *transhumanisme* berasaskan fahaman bahawa manusia berhak dan berkuasa untuk menentukan had kemampuan dirinya sendiri. Impian untuk menghapuskan kelemahan tubuh, memanjangkan usia hingga ke tahap keabadian dan mencipta manusia versi baharu mencerminkan keinginan untuk merampas autoriti yang sebenar-benarnya hanya dimiliki Allah SWT. Namun, dalam Islam, prinsip tauhid menetapkan bahawa hanya Allah sebagai Pencipta dan Pentadbir seluruh alam, dan hanya Dialah yang berhak menentukan perjalanan dan kemampuan makhluk-Nya. Sebarang cubaan untuk mengubah apa yang sudah ditentukan Allah dilihat sebagai bercanggah dengan akidah dan menyerupai perbuatan melampaui batas sebagai makhluk. Sebagaimana ditegaskan dalam Surah al-Rahman:

كُلُّ مَنْ عَلَيْهَا فَانٍ (٢٦) وَيَبْقَىٰ وَجْهُ رَبِّكَ ذُو الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ (٢٧)

Maksudnya: “Segala yang ada di muka bumi itu akan binasa (26) Dan akan kekallah Zat Tuhanmu yang mempunyai Kebesaran dan Kemuliaan (27)”

(Surah al-Rahman 55:26-27)

Maka, keinginan *transhumanisme* untuk mengekalkan kehidupan duniawi secara berpanjangan jelas bercanggah dengan ketentuan Allah bahawa hidup dan mati adalah dalam kekuasaan-Nya.

Selain itu, *transhumanisme* juga berpotensi membawa manusia ke arah *syirik asbab*, di mana kebergantungan dan kepercayaan disandarkan kepada teknologi dan kepandaian manusia melebihi kebergantungan kepada Allah.³¹ Dalam konteks takdir, Islam meletakkan bahawa manusia diseru untuk berusaha, namun tetap yakin bahawa hasil akhirnya adalah dalam genggamannya Allah. Dengan melampaui batasan fitrah dan cuba “mengubah nasib sendiri” secara

³¹ Mohamad Razif, “Al-AFKAR #40: Jenis-jenis Syirik” Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 29 Januari 2019. Diakses pada 20 November 2025. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/3064-al-afkar-40-jenis-jenis-syirik>

melampau, *transhumanisme* bukan sahaja melawan ketentuan *qada' dan qadar*, malah turut membawa kepada pemahaman bahawa ketetapan Allah perlu diubah agar sesuai dengan kehendak dan hawa nafsu manusia.

Pandangan Sarjana Islam tentang *Transhumanisme*

Dalam menghadapi ancaman dari gerakan *transhumanisme*, para sarjana Islam kontemporari memberikan banyak pendapat kritis dan analisis mendalam berdasarkan sumber-sumber autoritatif agama, termasuk al-Quran, hadis dan tradisi intelektual Islam. Secara umum, mereka bersetuju bahawa teknologi tidak sesuatu yang harus ditolak, tetapi penggunaannya harus dinilai berdasarkan prinsip tauhid, hukum syariat, dan maqasid syariah. Selain itu, mereka menyoroti bahawa fokus pada nilai-nilai materialistik dan biologi yang dekat dengan ideologi *transhumanisme* dapat mempengaruhi iman serta menyebabkan keruntuhan fitrah manusia sebagai khalifah bumi.

Jika melihat dari perspektif sarjana Islam klasik terhadap isu ini, seperti pengubahsuaian ciptaan, keinginan untuk mengatasi batas kemanusiaan, serta kecenderungan untuk melawan ketentuan Allah, terdapat banyak jawapan yang telah disediakan dalam wacana akidah, falsafah dan tafsir, walaupun istilah *transhumanisme* tidak wujud dalam zaman klasik.

Imam Fakhruddin al-Razi dalam *Tafsir al-Kabir* menyentuh isu perubahan ciptaan Allah (*taghyir khalqillah*) ketika menafsirkan ayat 119 Surah al-Nisa'. Beliau menjelaskan bahawa perbuatan mengubah ciptaan bukan sekadar perubahan fizikal luaran seperti mencukur alis atau mengubah bentuk tubuh, tetapi juga merangkumi perubahan terhadap fungsi dan tujuan asal manusia seperti yang ditentukan oleh Allah.³² Menurut beliau, sebarang usaha yang membawa manusia keluar dari fitrah atau tujuan asal kejadian adalah bentuk penyelewengan terhadap kehendak Ilahi.³³

Pandangan ini selari dengan hujahan Ibn Kathir yang juga mengkritik perbuatan mengubah ciptaan Allah dalam *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*. Beliau mengaitkan perubahan ciptaan dengan tipu daya syaitan yang berusaha untuk menyesatkan manusia daripada jalan kebenaran. Menurut Ibn Kathir, ayat ini bukan sahaja merujuk kepada amalan jahiliah seperti mengubah telinga unta, tetapi juga menyampaikan prinsip larangan terhadap perbuatan manusia yang mencuba mengatasi ketentuan ilahi terhadap bentuk dan takdirnya.³⁴

Sementara itu, al-Ghazali dalam *Ihya' 'Ulum al-Din* menegaskan tentang bahaya keterlaluan dalam memuja akal dan teknologi hingga mengabaikan unsur kerohanian dan ketundukan kepada Allah. Walaupun beliau menerima penggunaan perubatan dan sains secara positif, al-Ghazali mengecam sikap manusia yang ingin menjadi seakan-akan "tuhan" melalui pencapaian ilmu, kerana ia boleh membawa kepada kesombongan spiritual yang menggugat akidah.³⁵ Bagi beliau, tujuan hidup manusia bukanlah untuk mengatasi kematian atau mencapai kesempurnaan jasmani, tetapi untuk mendekatkan diri kepada Allah melalui kesedaran akan kelemahan diri.³⁶

Selain itu, sarjana seperti Imam al-Shatibi dalam *al-Muwafaqat* membina asas kepada maqasid syariah, yang menjadi asas penilaian terhadap sebarang perubahan teknologi hari ini. Beliau menjelaskan bahawa segala perubahan dalam kehidupan mesti menjaga lima prinsip utama: agama, nyawa, akal, keturunan dan harta. Jika teknologi *transhumanisme* mencabar salah satu daripada lima maqasid ini, maka ia perlu ditolak atau dihadkan.³⁷

³² Fakhruddin al-Razi, *Tafsir al-Kabir*, Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, Jilid 10 (666 H), 145.

³³ Ibid., 145.

³⁴ Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, (Mu'assasah Qurthubah, 1998) Jilid 1, 586.

³⁵ Al-Ghazali, *Ihya' 'Ulum al-Din*, (Dar al-Ma'rifah, Beirut, 2005) Jilid 3, 117.

³⁶ Ibid., 120.

³⁷ Al-Shatibi, *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, (Dar Ibn 'Affan, 1997) Jilid 2, 8.

Walaupun sarjana klasik tidak secara langsung berbicara tentang kejuruteraan genetik atau implan otak, prinsip asas yang mereka bina seperti keutuhan fitrah, kehambaan kepada Tuhan, dan larangan melampaui batas ciptaan menjadi asas penting untuk menilai *transhumanisme* dari perspektif Islam. Ini membuktikan bahawa khazanah keilmuan Islam klasik masih relevan untuk menangani cabaran teknologi moden, termasuk ideologi pasca-kemanusiaan yang dibawa oleh *transhumanisme*.

KESIMPULAN

Secara kesimpulan, dalam membincangkan *transhumanisme*, ia perlu dinilai berdasarkan perspektif Islam. Teknologi yang mengancam lima keperluan asas berdasarkan maqasid syariah iaitu agama, nyawa, akal, keturunan, dan harta harus ditolak atau dikawal. Dalam hal ini, sarjana klasik telah meletakkan asas perundangan dan etika yang sangat berguna sebagai kerangka penilaian, manakala sarjana kontemporari telah membangunkan pendekatan ini supaya relevan dengan realiti dan cabaran zaman moden. Walaupun Islam menerima sains dan teknologi sebagai sebahagian daripada usaha manusia untuk memahami ciptaan Tuhan, perkembangan sebegini seharusnya tidak menjadikan manusia lupa kedudukan mereka sebagai hamba yang bergantung kepada takdir dan ketetapan Ilahi. *Transhumanisme*, dengan ideanya untuk menakluki kelemahan manusia dan mencipta keabadian, dilihat mampu mengikis perasaan kehambaan dan melemahkan kepercayaan terhadap kuasa mutlak Tuhan. Kesepakatan ini secara keseluruhannya menggambarkan bahawa tradisi pemikiran Islam, baik klasik mahupun kontemporari sentiasa mempunyai asas yang kukuh untuk menilai dan membimbing umat dalam menghadapi cabaran teknologi termaju. Pandangan mereka perlu dikumpulkan dan digunakan untuk membina kerangka etika dan kepercayaan yang mampu menjawab persoalan *transhumanisme* dalam era globalisasi dan kemajuan sains yang pesat.

RUJUKAN

- Adnan, A. *Techno-Jahiliyyah: Examining Transhumanism through the Islamic Lens*. Al-Shajarah: ISTAC Journal of the International Institute of Islamic Thought and Civilisation (ISTAC), December (2024), 167-203.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam and Secularism*. (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993).
- Al-Ghazali. *Ihya' 'Ulum al-Din*, (Beirut: Dar al-Ma'rifah, 2005), Jilid 3.
- Al-Shatibi. *al-Muwafaqat fi Usul al-Shari'ah*, (Dar Ibn 'Affan, 1997), Jilid 2.
- Alsomali N and Hussein G. *CRISPR-Cas9 and He Jiankui's Case: an Islamic Bioethics Review using Maqasid al-Shari'a and Qawaid Fighiyyah*." *Science and Engineering Ethics* 27 no. 2 (2021): 149-165.
- Bostrom, Nick. *Transhumanist Values*, in Fredrick Adams (ed.), *Ethical Issues for the 21st Century*, (Philosophical Documentation Center Press, 2004).
- Bouzenita, A. S. *Transhumanism-Old Challenges in a New Garb?* *Journal of Islam in Asia* 21 no. 2 (2024): 173–183.
- Breczko, A. *Human Enhancement in the Context of Disability (Bioethical Considerations from the Perspective of Transhumanism)*. *Bialostockie Studia Prawnicze* 26, no. 3 (2021): 95–108.
- Chimakonam, A. E. (2023). *The Ethics at the Intersection of Artificial Intelligence and Transhumanism: A Personhood-Based Approach* *Policy* 5: e16
- David M. Lyreskog and Alex McKeown. *On the (Non-)Rationality of Human Enhancement and Transhumanism*. *Science and Engineering Ethics* 28, no. 52 (2022): 1-18
- Fakhruddin al-Razi, *Tafsir al-Kabir* (Dar Ihya' al-Turath al-'Arabi, 666 H), Jilid 10 145.
- Fuller, Steve. *Humanity 2.0: What It Means to Be Human, Past, Present and Future*. (London: Palgrave Macmillan, 2011).
- Ghandour, A. *Beyond Muslim Concerns About Transhumanism*. *Journal of Ethics and Emerging Technologies* 34 no. 2 (2025): 59–72.
- Huxley, J, "Transhumanism," in *New Bottles for New Wine* (London: Chatto & Windus, 1957), 13–17.
- Ibn Kathir, *Tafsir al-Qur'an al-'Azim*, (Mu'assasah Qurthubah, 1998) Jilid 1.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), "Pembiakan Manusia dan Pengklonan Tujuan Perubatan Dari Sudut Syarak (2002)" dalam *Kompilasi Pandangan Hukum, Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia*. (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015).
- Mobayed, T, "Immortality on Earth? Transhumanism through Islamic Lenses." (Yaqeen Institute for Islamic Research, 2017). <https://yaqeeninstitute.org.my/read/paper/immortality-on-earth-transhumanism-through-islamic-lenses>
- Mohammad Hashim Kamali., "Islamic Ethical Guide in Developing Artificial Intelligence Framework". (Malaysia: International Institute of Advanced Islamic Studies (IAIS), 2020).
- Mohamad Naqib Hamdan dan Mohd Anuar Ramli. "Konsep Taghyir Khalqillah Menurut Muhaddithin: Analisis Terhadap Hadith Larangan Al-Wasl, Al-Washm, Al-Nams dan Al-Tafalluj" dalam *Pengajian Sunnah Nabawiyyah: Metod dan Aliran* (2017).

- Mohamad Razif, “Al-AFKAR #40: Jenis-jenis Syirik” Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 29 Januari 2019. Diakses pada 20 November 2025. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/al-afkar/3064-al-afkar-40-jenis-jenis-syirik>
- Muwatta Malik, “Judgements (Kitab al-Aqdiyah),” Buku 36.
- Nawawī, Maḥmūd. Maṭrajī & Abū Ishāq Ibrāhīm ibn ‘Alī ibn Yūsuf Fīrūzābādī al-Shīrāzī. Kitāb Al-Majmū’: Sharḥ Al-Muhadhdhab. Kitāb Al-Majmū’: Sharḥ Al-Muhadhdhab. (Bayrūt: Dār al-Fikr, 2000).
- Osman Bakar, The History and Philosophy of Islamic Science (Kuala Lumpur: ISTAC, 1999).
- Sorgner, Stefan Lorenz. On Transhumanism. University Park, (PA: Penn State University Press, 2020).
- The Guardian. “Elon Musk Put a Chip in This Paralysed Man’s Brain. Now He Can Move Things with His Mind.” 8 Februari 2025. Diakses pada 19 November 2025. <https://www.theguardian.com/science/2025/feb/08/elon-musk-chip-paralysed-man-noland-arbaugh-chip-brain-neuralink>
- Umar Mukhtar Mohd Nor, “Irsyad Hukum Siri ke-265: Hukum Menyuntik Kolagen Pada Tubuh Badan Untuk Kelihatan Cantik Di Hadapan Suami”, Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan, 1 November 2018, Diakses pada 20 November 2025. <https://muftiwp.gov.my/ms/artikel/irsyad-hukum/umum/2723-irsyad-al-fatwa-siri-ke-265-hukum-menyuntik-kolagen-pada-tubuh-badan-untuk-kelihatan-cantik-di-hadapan-suami>